


PERNYATAAN POLISI ANTI-RASUAH & ANTI-KORUPSI

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor") sentiasa komited untuk menjalankan semua urusan perniagaan dengan integriti, keadilan dan kepatuhan sepenuhnya terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Reputasi kami untuk bertindak adil dibina berdasarkan nilai-nilai kami sebagai syarikat dan nilai-nilai pekerja kami. Sejar dengan komitmen ini, kami tidak bertolak ansur dengan perbuatan rasuah & korupsi, serta akan memastikan pematuhan ketat terhadap kehendak di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

1. Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan Kanan Air Selangor telah meluluskan pelaksanaan Dasar dan Prosedur Anti-Rasuah & Anti-Korupsi ("Dasar & Prosedur ABAC"). Polisi ini terpakai kepada Kakitangan Air Selangor, Pengarah dan Rakan Perniagaan yang merangkumi kontraktor, pembekal serta pihak ketiga yang bertindak bagi pihak atau atas nama Air Selangor, termasuk ejen, wakil dan perantara lain.
2. Air Selangor melarang sama sekali: -
 - i. Pekerja dan Pengarahnya, termasuk saudara-mara dan anggota keluarga, dari memberi atau menawarkan, meminta dan/atau menerima sebarang bentuk kelebihan yang tidak wajar, kepada atau dari pihak yang berurusan dengan kami.
 - ii. Sebarang amalan penyalahgunaan kuasa serta kedudukan untuk mendapatkan keuntungan peribadi mahupun komersial. Standard integriti yang sama diharapkan dari semua Rakan Perniagaan dan pihak ketiga semasa menjalankan perniagaan bagi pihak ataupun dengan kami.

Mereka yang tidak mematuhi Dasar & Prosedur ABAC serta undang-undang yang berkenaan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

3. Air Selangor mempunyai saluran khusus untuk pelaporan oleh sesiapa yang mempunyai maklumat ketidakpatuhan terhadap komitmen di atas, yang dilakukan oleh mana-mana Kakitangan, Pengarah, Rakan Perniagaan, dan pihak ketiga. Maklumat boleh disalurkan ke etika.air@airselangor.com.
4. Air Selangor mempunyai Dasar Pendedahan Maklumat, di mana identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan, dan tidak ada pihak yang boleh membalas dendam terhadap individu yang melaporkan dengan niat baik.
5. Secara keseluruhannya, tadbir urus Integriti Air Selangor dilengkapi dengan dasar dalaman yang lain, seperti Polisi Tiada Hadiah, Dasar Konflik Kepentingan, Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Dasar Perolehan. Air Selangor komited untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap dasar-dasar dalaman ini. Pernyataan polisi ini akan disemak dan dikemas-kini secara berkala agar mematuhi kehendak semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia.



.....
SUHAIMI KAMARALZAMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: 30 Jun 2020